

TINGKAT KEKERABATAN BAHASA BIDAYUH DI SARAWAK

Noriah Mohamed dan Hamidah Abdul Wahab

Abstrak

Fokus utama makalah ini adalah untuk membandingkan kosa kata dasar empat bahasa Bidayuh, iaitu bahasa Biatah, bahasa Bau-Jagoi, bahasa Bukar-Sadong, dan bahasa Selako-Lara, dan menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa ini. Kemudian, kosa kata dasar keempat-empat bahasa ini akan dibandingkan pula dengan bahasa Melayu untuk meneliti hubungan sanak bahasa Bidayuh ini dengan bahasa Melayu. Kajian ini akan memanfaatkan kaedah perbandingan kosa kata dasar atau leksiko statistik untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kosa kata keempat-empat bahasa ini. Perbandingan juga dilaksanakan untuk menentukan kata-kata yang berkognat, mengira peratus kognat antara bahasa tersebut, dan akhirnya menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa yang berkenaan berasaskan jadual tingkat kekerabatan bahasa cadangan Gudschinsky (1964). Hasil analisis perbandingan kosa kata dasar menunjukkan bahawa keempat-empat bahasa Bidayuh tersebut bertaraf bahasa dalam keluarga bahasa Bidayuh, dan bukannya dialek daripada bahasa yang sama. Bahasa ini mempamerkan kesamaan/kemiripan dari segi bentuk dan makna kerana bahasa ini dipencarkan daripada bahasa induk yang sama, iaitu bahasa Bidayuh proto. Hubungan sanak antara bahasa Biatah, Bau-Jagoi dan Bukar-Sadong dengan bahasa Melayu didapati sudah agak jauh. Walau bagaimanapun, bahasa Selako-Lara mempunyai hubungan sanak yang sangat dekat dengan bahasa Melayu. Secara keseluruhan, kajian ini dapat memperjelas status linguistik bahasa Bidayuh di Sarawak, di samping memperlihatkan hubungan bahasa tersebut dengan bahasa Melayu.

Abstract

The main focus of this article is to compare the basic vocabulary of

four Bidayuh languages, which are Biatah language, Bau-Jagoi language, Bukar-Sadong language, and Selako-Lara language, and to determine the degree of relations between these languages. Then, the basic vocabulary of the four languages will be compared to the Malay language to observe the genetic relationship between these Bidayuh languages to the Malay language. The current study utilized the comparison of the basic vocabulary or lexicostatistical method to find the similarities and differences between the basic vocabularies of the four languages. The comparison also set out to identify the cognate words, calculate the cognate percentage between those languages, and also determine the degree of genetic relationship between the languages, based on the degree of language relation schedule suggested by Gudschinsky (1964). The results of the comparative analysis of the basic vocabulary showed that the four Bidayuh languages are classified as languages in the Bidayuh language family, and not dialects from the same language. These languages exhibit similarities in form and meaning as they are derived from a common source, i.e. the Bidayuh proto-language. The genetic relationship between Biatah, Bau-Jagoi and Bukar-Sadong languages to the Malay language is found to be quite far. However the Selako-Lara language seems to have a very close genetic relationship to the Malay language. The results of the current research shed light on the linguistic status of the Bidayuh languages in Sarawak, and also showed the relation between the languages to the Malay language.

PENDAHULUAN

Masyarakat Bidayuh di Sarawak termasuk dalam kelompok manusia yang diberi nama Dayak Darat. Pada abad ke-19, pengkaji Barat menggunakan istilah Dayak untuk merujuk suku kaum bukan Islam di pedalaman Borneo (Junaidi, 1994:37). Selain Bidayuh, Dayak merangkumi juga suku kaum Iban dan Orang Hulu (Kayan, Kenyah, Kelabit, Lunbawang, Penan dan Punan). Walau bagaimanapun, untuk membezakan orang Bidayuh dengan orang Iban yang dikenali sebagai Dayak Laut (*Sea Dayak*), orang Bidayuh disebut sebagai Dayak Darat (*Land Dayak*). Perkataan bidayuh bermaksud 'kami orang darat' (Alice, 1997:27).

Dari segi sejarah, masyarakat Bidayuh dikatakan antara penduduk terawal yang menetap di Sarawak. Menurut legenda, masyarakat Bidayuh yang berasal dari Gunung Sungkong di Kalimantan Indonesia (Minos, 2000: 4) sudah sampai di Sarawak pada sekitar abad kedua Masihi. Masyarakat

Bidayuh yang dikatakan berasal dari Gunung Sungkong itu berpindah dari kawasan asal mereka melalui dua gerak perpindahan, iaitu perpindahan pertama dan perpindahan kedua.

Perpindahan pertama dikatakan telah berlaku 20 generasi sebelum berlakunya letupan Karakatua. Perpindahan pertama diketuai oleh Tirauh dan Padat. Kumpulan pertama ini bergerak menuju ke arah barat pulau Borneo dan sampai di Rabak Mikabuh pada sekitar tahun 373 Masihi. Golongan ini menamakan diri mereka Dayak Puruh, dan bahasa mereka ialah *Piminyu Puruh*. Selepas Tirauh membunuh anak Padat, dia dan orang-orangnya telah berpindah ke Semaru dan menamakan diri mereka Dayak Benah. Padat pula berpindah ke Rabak Rutoi dan menamakan diri mereka Dayak Bisudong. Titis dan Ringah membentuk kumpulan Bukar Sadung dan menamakan kumpulan mereka Dayak Bibukar. Situtun dan Sיתי yang berpindah ke Gunung Muwan dan menetap di Peniau menamakan kumpulan mereka Dayak Sikaruh. Bari pula berpindah ke Bung Jagoi dan menamakan kumpulan mereka Dayak Bijagoi. Tagung Minangar dan pengikutnya berpindah ke Paya Pais, seterusnya ke Pung Jagoi dan menamakan kumpulan mereka Dayak Bijagoi juga. Tagung Megiang pula berpindah ke Bung Piradon, membuka kampung bernama Kupo Singai lalu menamakan diri mereka Dayak Bisingai. Undu pula pindah ke Rabak Binuwa dekat Landeh, bergerak ke Gunung Gading lalu membuka penempatan di Ladan dan menamakan kumpulannya Bilundu.

Perpindahan kedua dari Gunung Sungkong tidak dapat dipastikan tarikhnya. Kelompok kedua ini yang sebahagiannya menetap di Senakan (sekarang disebut Kujang Mawang) dan Kenda'ii, menamakan diri mereka Dayak Lara, dan sebahagiannya tinggal di Poui dan menamakan diri mereka Dayak Selako.¹

Berdasarkan dua kelompok yang bergerak dari kawasan asal ini, maka kelompok Bidayuh sekarang didapati menetap di kawasan-kawasan tertentu di Sarawak.

Kelompok pertama yang asalnya menduduki Rabak Mikabuh dan menuturkan satu bahasa yang dikenali sebagai *Piminyu Bipuruh*, berpecah-pecah mendiami kawasan baru dan menamakan bahasa atau dialek mereka mengikut nama kumpulan masing-masing. Misalnya, kelompok orang Sadung menamakan dialek mereka *Piminyu Bisadung* yang bermaksud dialek

1 Huraian mengenai legenda perpindahan kedua-dua kumpulan orang Bidayuh yang dipaparkan di sini boleh dirujuk di dalam Alice (1997:27-32) dan Dayak Bidayuh National Association (2004:1-4).

Sadung. Kelompok Jagoi pula menamakan dialek mereka *Piminyu Jagoi* yang bermaksud dialek Jagoi, dan seterusnya.

Kelompok kedua yang menetap di kawasan Kenda'ii dan Poui di Lundu, membentuk bahasa Lara dan Selako² (juga disebut bahasa Selako-Lara³). Bahasa Selako agak berbeza berbanding dengan bahasa Bidayuh yang lain memandangkan bahasa ini lebih menyamai dialek Melayu Sarawak. Dalam tulisan-tulisan yang menyentuh tentang bahasa ini, ada kalanya bahasa Bidayuh Selako ini dianggap sebagai dialek Melayu dan ada kalanya sebagai anggota kepada kumpulan bahasa Bidayuh (Asmah, 1994:150). Dalam makalah ini, bahasa Selako-Lara merujuk bahasa Bidayuh Selako yang dituturkan di Sematan, Lundu, Sarawak.

Untuk menentukan sama ada bahasa Bidayuh Selako-Lara ini tergolong dalam kelompok bahasa Melayu atau bahasa Bidayuh, dan memastikan sama ada hubungan antara bahasa Selako-Lara dengan bahasa Melayu di tingkat hubungan dialek (bahasa yang sama) atau bahasa yang berlainan, maka makalah ini akan membandingkan kosa kata dasar bahasa-bahasa Bidayuh dengan bahasa Melayu (sila rujuk Bahagian 1.3 makalah ini).

Sekiranya bahasa Selako-Lara dianggap sebagai anggota bahasa Bidayuh, maka sistem pertuturan orang Bidayuh dapat dibahagikan kepada empat,⁴ yakni (i) *Piminyu Bukar-Sadong* atau bahasa Bidayuh Bukar Sadong, (ii) *Piminyu Bipuruh/Biatah* atau bahasa Biatah, (iii) *Piminyu Bau-Jagoi* atau bahasa Bau-Jagoi, dan (iv) *Piminyu Selako-Lara* atau bahasa Selako-Lara (Alice, 1997:31–32).

Bahasa-bahasa Bidayuh ini dituturkan di empat daerah utama di Sarawak, iaitu Serian, Kuching, Bau dan Lundu. Yang berikut dipaparkan jadual yang menunjukkan bilangan kampung dan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat

2 Selako ialah variasi sebutan bagi Selakau.

3 Walaupun istilah Selako-Lara digunakan, kedua-duanya juga mungkin merupakan dua bahasa Bidayuh yang berbeza. Misalnya Kroeger (1998) menganggap bahasa Selako sebagai bahasa Malayic Dayak, manakala bahasa Lara sebagai dialek bahasa Bakati yang dituturkan di Kalimantan, Indonesia.

4 Walau bagaimanapun, berdasarkan anggapan bahawa bahasa Selako-Lara merupakan salah satu dialek Melayu, maka kebanyakan pengkaji membahagikan bahasa Bidayuh kepada tiga kelompok. Misalnya Lam (1986:823) membahagikan bahasa Bidayuh kepada tiga kelompok, iaitu Bidayuh Biatah (Penrissen-Padawan), Bahasa Singhi (Bau-Lundu dan sempadan Kalimantan) dan bahasa Bukar-Sadong (Serian, Sadong dan sepanjang jalan Tebakang ke Tebedu). Kroeger (1998) juga mengelaskan bahasa Bidayuh kepada tiga kumpulan, iaitu Bau-Jagoi, Bukar-Sadong dan Biatah. Makalah ini mengelompokkan bahasa Bidayuh kepada empat kelompok berdasarkan perbandingan yang dijalankan di Bahagian 1.3 kerana perbandingan mendapati bahawa bahasa Selako-Lara bukanlah dialek Melayu tetapi merupakan salah satu bahasa Bidayuh.

Bidayuh secara khusus mengikut daerah utama di Sarawak sebagaimana yang dimaksudkan.

Jadual 1.1 Bilangan kampung dan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Bidayuh mengikut daerah di Sarawak.

Nama daerah	Bilangan kampung	Bahasa yang dituturkan
Serian	126	Bukar-Sadong
Kuching	84	Biatah
Bau	43	Bau-Jagoi
Lundu	41	Selako-Lara

Sumber: Dipetik daripada Ahi Sarok, 1998:17.

Berdasarkan pembahagian di atas, masyarakat Bidayuh dapat dikelaskan kepada empat golongan penutur bahasa yang berbeza mengikut daerah. Pengelasan sebegini menunjukkan bahawa kelompok masyarakat Bidayuh membentuk identiti bahasa masing-masing mengikut keadaan persekitaran mereka. Fenomena ini tidak asing bagi kebanyakan masyarakat peribumi di Sarawak, termasuk masyarakat Bidayuh kerana faktor alam semula jadi banyak mempengaruhi corak penempatan dan kebudayaan mereka. Disebabkan orang Bidayuh ini menetap di kawasan-kawasan yang berbeza, maka mereka cenderung membina kebudayaan dan bahasa Bidayuh yang tersendiri, berbeza dengan kaum Bidayuh yang lain.

Dengan yang demikian, kaum Bidayuh di empat daerah utama ini pada dasarnya menuturkan bahasa yang berbeza walaupun bahasa mereka berasal daripada keluarga bahasa yang sama, iaitu bahasa Bidayuh. Menurut Asmah (1981:34), biasanya bahasa Bidayuh atau Dayak Darat dikatakan bahasa yang mempunyai dialek-dialeknya, iaitu Bukar-Sadong, Biatah dan Bau-Jagoi. Apabila penyelidikan dilakukan ke atas sistem pertuturan masyarakat Bidayuh, didapati bahawa yang dikatakan dialek itu sebenarnya ialah bahasa yang berlainan antara satu sama lain, tetapi hubungan kekeluargaannya amat erat. Dengan yang demikian, nama Bidayuh itu, jika menurut faktor-faktor linguistik, ialah nama untuk keluarga bahasa, bukan nama untuk satu-satu bahasa. Jadi, keluarga Bidayuh mempunyai bahasa Biatah, bahasa Bukar-Sadong dan bahasa Bau-Jagoi.

Dengan kata lain, dari segi konsep dialek dan bahasa,⁵ orang Bidayuh dalam kelompok yang berbeza tidak menuturkan dialek daripada satu bahasa yang sama tetapi menuturkan bahasa-bahasa yang berbeza daripada satu keluarga bahasa yang sama. Secara amnya, hal ini membawa maksud bahawa penutur keempat-empat bahasa Bidayuh ini tidak dapat memahami bahasa Bidayuh yang lain.⁶

Lanjutan daripada perbincangan yang berkaitan dengan dialek dan bahasa ini, makalah ini akan meneliti tahap hubungan kebahasaan keempat-keempat bahasa Bidayuh ini (di dalam Bahagian 1.2), dan menentukan sama ada keempat-empat bahasa Bidayuh ini dialek daripada bahasa yang sama, atau bahasa yang berbeza. Untuk menentukan tahap hubungan kebahasaan sebagaimana yang dimaksudkan, kaedah perbandingan kosa kata dasar akan digunakan. Bahagian yang berikut akan mencatatkan secara ringkas urutan penerapan kaedah perbandingan kosa kata dasar yang digunakan dalam makalah ini.⁷

Perbandingan Kosa Kata Dasar

Untuk tujuan perbandingan, makalah ini akan menggunakan kosa kata dasar keempat-empat bahasa Bidayuh. Kosa kata dasar yang dimaksudkan adalah yang berpandukan senarai kosa kata dasar seratus perkataan yang dicadangkan oleh Morris Swadesh dalam Lehmann (1962:108), dan senarai kosa

-
- 5 Dalam konteks makalah ini, untuk menentukan sama ada sesebuah sistem pertuturan itu dialek atau bahasa, digunakan konsep kefahaman menyaling (*mutual intelligibility*). Sekiranya penutur sistem pertuturan berkenaan saling memahami tanpa perlu mempelajari sistem pertuturan orang yang dilawan bercakap, maka sistem berkenaan dikatakan sebagai dialek. Sekiranya penutur yang berkomunikasi saling tidak memahami dan perlu mempelajari sistem pertuturan orang yang dilawan bercakap, maka sistem berkenaan dianggap bahasa yang berbeza. Dalam hal ini, penutur sistem pertuturan bahasa-bahasa Bidayuh (Biatah, Bukar-Sadong, Bau-Jagoi dan Selako-Lara) tidak saling memahami, dan dengan itu semua sistem pertuturan Bidayuh ini merupakan bahasa-bahasa yang berbeza.
 - 6 Hal ini juga berkemungkinan mewujudkan masalah pemahaman antara penutur bahasa Bidayuh. Disebabkan masalah pemahaman ini, maka pada masa sekarang, masyarakat Bidayuh akan menggunakan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris apabila terdapat masalah pemahaman dalam komunikasi di kalangan orang Bidayuh yang menuturkan bahasa-bahasa yang berlainan ini. Selain itu, penutur Bidayuh kelompok Biatah, Bau-Jagoi atau Bukar-Sadong juga cenderung menggunakan bahasa Malaysia apabila berkomunikasi dengan penutur bahasa Bidayuh Selako-Lara kerana bahasa Selako Lara dianggap lebih sukar difahami berbanding dengan ketiga-tiga bahasa Bidayuh yang lain.
 - 7 Huraian kaedah perbandingan kuantitatif ini juga boleh dirujuk di dalam Noriah (1994, 1996, 1999, 2001), dan Noriah dan Rohani (2003). Sila rujuk bibliografi yang dicatatkan di bahagian akhir makalah ini.

kata dasar ini dengan padanannya dalam bahasa Melayu boleh dirujuk di dalam Lampiran 1 makalah ini. Berdasarkan senarai asal ini, kosa kata dasar keempat-empat bahasa Bidayuh yang dimaksudkan akan disenaraikan.

Senarai kosa kata dasar bahasa-bahasa Bidayuh yang dipilih akan dibandingkan secara berpasangan dan setiap bahasa berpeluang dibandingkan dengan semua bahasa yang dipilih. Sewaktu perbandingan, kosa kata dasar yang akan digunakan dan yang perlu disisihkan akan ditentukan. Kosa kata yang perlu disisihkan ialah kata kosong, yakni kosa kata yang ada dalam suatu bahasa tetapi tiada dalam bahasa yang satu lagi, kata pinjaman dan kata majmuk. Sekiranya wujud kata terbitan, imbuhan perlu disisihkan dan hanya kata dasar yang akan digunakan. Sekiranya selepas imbuhan disisihkan, kata dasar yang wujud telah ada dalam kata lain sebelum ini, maka kata dasar ini perlu disisihkan juga. Misalnya bagi bahasa Melayu, apabila imbuhan disisihkan dalam perkataan berjalan (*walk*), akan wujud perkataan jalan. Disebabkan kata dasar jalan sudah wujud dalam perkataan jalan (*road*), maka kosa kata jalan yang kedua disisihkan. Hal ini juga berlaku kepada kata dasar yang wujud dua kali. Misalnya terdapat bahasa yang merujuk hati dan jantung sebagai hati sahaja, maka salah satu kata hati tersebut perlu ditolak.

Selepas kosa kata yang tidak perlu telah disisihkan, maka pasangan kata berkognat antara dua bahasa akan ditentukan. Pasangan kata berkognat bermaksud pasangan kata yang sama atau mirip dari segi bentuk dan makna. Pasangan kosa kata yang sama ialah pasangan yang menunjukkan kesamaan dari segi bentuk (fonem dan susunan fonem) dan makna secara seratus peratus. Sebagai contoh, perkataan *guring* (berbaring) dalam bahasa Biatah dan *guring* (berbaring) dalam bahasa Bau-Jagoi menunjukkan bentuk dan makna yang sama seratus peratus. Pasangan kosa kata yang mirip pula ialah kata-kata yang sama dari segi bentuk tetapi mirip dari segi makna, mirip dari segi bentuk tetapi sama dari segi makna, mirip dari segi bentuk dan makna, dan sebagainya. Lihat contoh yang berikut yang memperlihatkan kesamaan dan kemiripan dua kosa kata (kemiripan dari segi bentuk tetapi sama dari segi makna) dalam empat bahasa Bidayuh.

Jadual 1.2 Kesamaan dan kemiripan kosa kata dasar dalam empat bahasa Bidayuh.

Bil.	Biatah	Bukar-Sadong	Bau-Jagoi	Selako-Lara	Bahasa Melayu
1	<i>turang</i>	<i>turang</i>	<i>tulang</i>	<i>tuang</i>	tulang
2	<i>atin</i>	<i>ati</i>	<i>otin</i>	<i>ati</i>	hati

Fonem dalam bahasa yang berbeza boleh bersepadan menerusi banyak cara, dan yang diambil kira dalam linguistik perbandingan ialah kesepadanan dari segi kedudukan fonem dalam untaian fonemik. Hal ini bermakna, pasangan kata dianggap bersepadan sekiranya memiliki fonem/bunyi yang semuanya sama di posisi yang sama dan mesti sepadan juga dari segi makna. Perkataan *turang* dengan *turang* dalam bahasa Biatah dan Bukar-Sadong di dalam Jadual 1.2 di atas menunjukkan kesamaan yang dimaksudkan. Pasangan kata juga boleh memiliki fonem/bunyi yang mirip/hampir sama tetapi dapat diterangkan bahawa kemiripan fonem tersebut berakibat daripada pengaruh lingkungan dan berlaku secara tetap serta berulang-ulang. Sebagai contoh, di dalam jadual yang berikut dipaparkan kemiripan fonem beberapa kata dasar yang berlaku secara berulang-ulang dalam bahasa Biatah dan Bau-Jagoi.

Jadual 1.3 Kemiripan fonem yang berulang-ulang dalam kosa kata dasar bahasa Biatah dan Bau-Jagoi.

Bil.	Biatah	Bau-Jagoi
1	<i>turang</i>	<i>tulang</i>
2	<i>siruh</i>	<i>silun</i>
3	<i>buruh</i>	<i>bulun</i>
4	<i>buran</i>	<i>bulan</i>
5	<i>kurit</i>	<i>kulit</i>

Berdasarkan Jadual 1.3 di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa jika fonem /r/ muncul dalam bahasa Biatah maka di kedudukan fonem tersebut dalam bahasa Bau-Jagoi akan muncul fonem /l/. Perubahan ini didapati berlaku secara tetap dan berulang-ulang dalam kosa kata yang memiliki susunan fonem yang sama.

Perubahan fonem sebagaimana yang dimaksudkan itu boleh berlaku menerusi proses yang lain juga. Misalnya kelompok *The Neogrammarians* (*junggrammatiker* atau *young grammarians*), pada akhir abad ke-19 mengutarakan perubahan bunyi yang bersifat tekal seperti asimilasi dan pelemahan; dan yang tidak nalar seperti metatesis, haplologi dan disimilasi. Bagi kelompok struktural pula, perubahan ini berlaku menerusi pencapahan dan penyatuan fonem. Kelompok Transformasi Generatif pula menganggap perubahan bunyi sebagai perubahan tatabahasa (McMahon, 1994:17-44).

Dengan yang demikian, dari segi linguistik, selain meneliti perubahan fonem secara langsung, perbandingan leksikal juga sebenarnya melibatkan analisis atau penelitian terhadap proses perubahan bunyi yang berlainan yang berlaku dalam setiap kosa kata yang dibandingkan.

Berpandukan kriteria kesepadanan fonemik sebagaimana yang dihurai-kan, akan diteliti, dianalisis dan ditentukan kosa kata dasar berkognat bahasa-bahasa Bidayuh di dalam bahagian yang berikut. Untuk memperoleh peratus kosa kata berkognat/bersanak, jumlah kata berkognat akan dibahagikan dengan jumlah kata yang dibandingkan, yakni jumlah kata selepas disisihkan kosa kata yang tidak diperlukan.

Berdasarkan peratus kata berkognat/bersanak ini, tingkat kekerabatan empat bahasa Bidayuh akan ditentukan. Untuk menentukan tingkat hubungan keempat-empat bahasa Bidayuh ini, sama ada di tingkat dialek atau di tingkat bahasa, maka jadual tingkat kekerabatan yang berikut akan digunakan.

Jadual 1.4 Tingkat kekerabatan bahasa.

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratus kata berkerabat
Bahasa	0 – 5	100 – 81
Keluarga	5 – 25	81 – 36
Rumpun	25 – 50	36 – 12
Mikrofilum	50 – 75	12 – 4
Mesofilum	75 – 100	4 – 1
Makrofilum	100 ke atas	kurang daripada 1

Sumber: Gudschinsky, 1964:621.

TINGKAT KEKERABATAN BAHASA BIDAYUH

Bahagian ini memaparkan perbandingan kosa kata dasar empat bahasa Bidayuh. Data kosa kata dasar untuk bahasa Biatah dikutip daripada informan yang menetap di Kampung Benuk, Penrissen; data bahasa Bukar-Sadong daripada informan di Kampung Rasau, Serian; data bahasa Bau-Jagoi daripada informan di Kampung Jagoi, Stass, Bau; dan data bahasa Selako-Lara daripada informan di Kampung Pueh, Sematan, Lundu.⁸

8 Kedua-dua penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua informan yang telah bekerjasama membantu penulis mendapatkan data kosa kata dasar bagi semua bahasa

TINGKAT KEKERABATAN BAHASA BIDAYUH DI SARAWAK

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, tujuan perbandingan kosa kata dasar adalah untuk menentukan taraf kognat antara perkataan yang dibandingkan, menghitung jumlah kata berkognat dan selanjutnya menentukan peratus kata berkognat dengan cara membahagikan jumlah kata berkognat dengan jumlah kata yang dibandingkan, yakni jumlah kata selepas ditolak kata yang tidak diperlukan.

Jadual 1.5 Perbandingan seratus kosa kata dasar bahasa Biatah dengan bahasa Bau-Jagoi.

Bil.	Biatah	Bau-Jagoi	Taraf kognat	Bil.	Biatah	Bau-Jagoi	Taraf kognat
1	sopurug	suo	+	19	nok	nuok	+
2	apuk	bo'oh	+	20	baduh	bodoh	+
3	kurit kayuh	kulit koyuh	Tolak (kata majmuk)	21	kajit	kojit	+
				22	tanak	tana	+
				23	man	man	+
4	ta'in	to'in	+	24	turoh	turua	+
5	tibande	ayuh	-	25	betuh	boton	+
6	manuk	manuk	+	26	gamu	lomak	-
7	ku'ut	ngigit	-	27	buruh	bulun	+
8	singut	songot	+	28	apui	opui	+
9	deya	doya	+	29	iken	ikian	+
10	turang	tulang	+	30	mikabur	timirib	-
11	sisuh	nenen	-	31	puno	punuak	+
12	dubadang	so'uh	-	32	kaja	po'on	-
13	siruh	silun	+	33	ngeyen	ngin	+
14	abun	abun	+	34	kana	paguh	-
15	madud	modud	+	35	barum	hijau	-
16	manug	nog	+	36	ubok	buok	+
17	kabus	kobos	+	37	tangan	tongan	+
18	kasong	kosuong	+	38	ubak	bak	+

Bidayuh yang digunakan dalam penulisan ini. Informan yang dimaksudkan ialah Alice Pu Ting, Wati AP Gian, Tonia Eddie, Rumet, Liben Anak Limah, Dumang anak Bunseh, Kanchong AK Ramak, Randek AK Sampai, Markus Eddie, Mazilan Abai, Nija @ Radak AK Majud, Suem AK Usup, Zaiton @ Limbo, Miah AK Said, Douglas AK Midia, Sopheena Liti AK Nyowep, Andrea Margaret, Iraw @ Eran AK Suut, Mahadi AK Kicho, Minarwin Anak Nuber, Abba AK Eron, Krisnan Anak Alan, Eviana Anak Iran, Boni AK Lambong, dan Edrin AK Bihun.

sambungan Jadual 1.5

Bil.	Biatah	Bau-Jagoi	Taraf kognat	Bil.	Biatah	Bau-Jagoi	Taraf kognat
39	dingah	ngojit	-	71	nyabut	sobot	+
40	atin	jantung	-	72	tinga	ningga	+
41	tanduk	tanuk	+	73	ruang	biniak	-
42	aku	oku	+	74	guru	guruk	+
43	siu	ngabos	-	75	kurit	kulit	+
44	karub	koruob	+	76	bu'us	bo'os	+
45	puan	puan	+	77	shu	isit	-
46	dawun	dowon	+	78	asuh	asuh	+
47	guring	guring	+	79	mijog	mujuog	+
48	atin	otin	Tolak (kata majmuk)	80	bitang	bitang	+
				81	batuh	batuh	+
				82	betuh anu	boton anu	Tolak (kata majmuk)
49	gutis	gituh	+				
50	ambu	omu	+	83	biranang	bitabab	-
51	dari	dari	+	84	koi	ukuan	-
52	bagu	bogo	+	85	anu	inoh	+
53	dagin	dagin	+	86	ati	itih	+
54	buran	bulan	+	87	ku'u	mu'u/	+
55	darud	dorod	+			kamu/ingan	
56	baba	bobak	+	88	jura	jora	+
57	adun	adon	+	89	jipuh	jupon	+
58	tunggo	tunguak	+	90	tungun kayuh	tongon kayu	Tolak (kata majmuk)
59	bauh	ba'uh	+				
60	singarum	ngarom	+	91	duwuh	duwoh	+
61	undung	indung	+	92	panu	ponu	+
62	duh	idoh	+	93	paras	bongoh	-
63	ni	ni	+	94	pi'in	pi'in	+
64	daya	nya'a	-	95	kieh	ko'ih	+
65	ujen	ijan	+	96	ani	oni	+
66	bireh	biriah	+	97	buda	mopuk	-
67	aran	oran	+	98	asi	osi	+
68	uwat	at	+	99	dayung	dayung	+
69	burung	borong	+	100	sia	siak	+
70	sumat	pasil	-				

Jumlah kosa kata yang ditolak = 4
 Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100 - 4) = 96
 Jumlah kosa kata yang berkognat (96 - 20) = 76
 Peratus kosa kata berkognat (76/96) = 79.2 peratus

Jadual 1.6 Perbandingan seratus kosa kata dasar bahasa Biatah dengan bahasa Bukar-Sadong.

Bil.	Biatah	Bukar-Sadong	Taraf kognat	Bil.	Biatah	Bukar-Sadong	Taraf kognat
1	sopurug	simua	-	39	dingah	kidingah	+
2	apuk	abuh	+	40	atin	sintung	-
3	kurit kayuh	kurit kayuh	Tolak (kata majmuk)	41	tanduk	tenuk	+
				42	aku	akuk	+
				43	siu	kinebes	-
4	ta'in	ne'ih	-	44	karub	be'ak tuet	Tolak (kata majmuk)
5	tibande	behas	-				
6	manuk	kito	-	45	puan	empuen	+
7	ku'ut	ku'ut	+	46	dawun	dewek	+
8	singut	bihis	-	47	guring	guleng	+
9	deya	deyak	+	48	atin	ati	Tolak (kata majmuk)
10	turang	turang	+				
11	sisuh	sisong	+	49	ambu	embuh	+
12	dubadang	sehu	-	50	gutis	gutu	+
13	siruh	siruh	+	51	dari	darik	+
14	abun	remang	-	52	bagu	ehi	-
15	madud	bebi	-	53	dagin	isih	-
16	manug	mendeg	+	54	buran	buran	+
17	kabus	kebes	+	55	darud	dared	+
18	kasong	kesung	+	56	baba	bebek	+
19	nok	sihep	-	57	adun	genen	-
20	baduh	bedeg	+	58	tunggo	kukok	-
21	kajit	keping	-	59	bauh	bauh	+
22	tanak	tanak	+	60	singarum	ngarek	-
23	man	ma'an	+	61	undung	unung	+
24	turoh	entulok	+	62	duh	kaik	-
25	betuh	beteh	+	63	ni	indik	+
26	gamu	lemak	-	64	daya	inya	-
27	buruh	buruh	+	65	ujen	ujan	+
28	apui	apui	+	66	bireh	encela	-
29	iken	iken	+	67	aran	jeren	+
30	mikabur	meber	+	68	uwat	uhat	+
31	puno	punok	+	69	burung	bereng	+
32	kaja	kejak	+	70	sumat	pasir	-
33	ngeyen	jugon	-	71	nyabut	sinandak	-
34	kana	paguh	-	72	tinga	entubek	-
35	barum	merak	-	73	ruang	luang	+
36	ubok	buruh	+	74	guru	guluk	+
37	tangan	tengen	+	75	kurit	enyit	-
38	ubak	be'ak	+	76	bu'us	be'es	+

sambungan **Jadual 1.6**

Bil.	Biatah	Bukar-Sadong	Taraf kognat	Bil.	Biatah	Bukar-Sadong	Taraf kognat
77	shu	icek	-	89	jipuh	jipeh	+
78	asuh	asep	+	90	tungun	tingen	Tolak (kata majmuk)
79	mijog	pijog	+		kayuh		
80	bitang	bintek	+	91	duwuh	duweh	+
81	batuh	batuh	+	92	panu	jalen	-
82	betuh anu	beteh andu	Tolak (kata majmuk)	93	paras	peres	+
				94	pi'in	umon	-
83	biranang	bidungoi	-	95	kieh	emik	-
84	koi	ungkoi	+	96	ani	anih	+
85	anu	si'en	-	97	buda	budak	+
86	ati	itek	+	98	asi	asih	+
87	ku'u	emuk	-	99	dayung	dayung	+
88	jura	jileh	-	100	sia	sihak	+

Jumlah kosa kata yang ditolak = 5
 Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100 – 5) = 95
 Jumlah kosa kata yang berkognat (95 – 36) = 59
 Peratus kosa kata berkognat (59/95) = 62.1 peratus

Jadual 1.7 Perbandingan seratus kosa kata dasar bahasa Biatah dengan bahasa Selako-Lara.

Bil.	Biatah	Selako-Lara	Taraf kognat	Bil.	Biatah	Selako-Lara	Taraf kognat
1	sopurug	samohek	-	16	manug	atang	-
2	apuk	abu	+	17	kabus	mati	-
3	kurit kayuh	kuit kayu	Tolak (kata majmuk)	18	kasong	asuk	+
				19	nok	nyocok	+
4	ta'in	parut	-	20	baduh	karing	-
5	tibande	ayak	-	21	kajit	tarenyek	-
6	manuk	burung	-	22	tanak	tanah	+
7	ku'ut	gigit	-	23	man	makan	+
8	singut	itam	-	24	turoh	taor	+
9	deya	darah	+	25	betuh	mata	+
10	turang	tuang	+	26	gamu	amak	-
11	sisuh	susuk	+	27	buruh	bulu	+
12	dubadang	tunu	-	28	apui	api	+
13	siruh	kuku	-	29	iken	ikan	+
14	abun	apong	+	30	mikabur	tarabang	-
15	madud	dingin	-	31	puno	barisik	-

TINGKAT KEKERABATAN BAHASA BIDAYUH DI SARAWAK

sambungan Jadual 1.7

Bil.	Biatah	Selako-Lara	Taraf kognat	Bil.	Biatah	Selako-Lara	Taraf kognat
32	kaja	paha	-	68	uwat	akar	-
33	ngeyen	barek	-	69	burung	boat	-
34	kana	bato	-	70	sumat	karasik	-
35	barum	ijo	-	71	nyabut	sabut	+
36	ubok	buuk	+	72	tinga	tanang	-
37	tangan	kokot	-	73	ruang	begek	-
38	ubak	kapala	-	74	guru	duduk	-
39	dingah	dangar	+	75	kurit	kuit	+
40	atin	jantung	-	76	bu'us	tidur	-
41	tanduk	tanuk	+	77	shu	kenek	-
42	aku	aku	+	78	asuh	asap	+
43	siu	bunuh	-	79	mijog	badiri	-
44	karub	tuut	-	80	bitang	bintang	+
45	puan	nahuik	+	81	batuh	batu	+
46	dawun	daun	+	82	betuh anu	mata ari	Tolak(kata majmuk)
47	guring	guring	+				
48	atin	ati	Tolak (kata majmuk)	83	biranang	baranang/ minanang	+
49	ambu	anyang	-	84	koi	ekok	+
50	gutis	gutu	+	85	anu	koa	-
51	dari	angaki	-	86	ati	nian	-
52	bagu	manyak	-	87	ku'u	kau/kitak	+
53	dagin	dagin	+	88	jura	jiah	-
54	buran	buan	+	89	jjpuh	gigi	-
55	darud	bukit	-	90	tungun kayuh	batang	Tolak (kata majmuk)
56	baba	mot	-				
57	adun	nama	-	91	duwuh	dua	+
58	tunggo	tegek	-	92	panu	bajan	-
59	bauh	barahu	+	93	paras	angkat	-
60	singarum	mam	-	94	pi'in	aik	-
61	undung	idung	+	95	kieh	kami	-
62	duh	anak	-	96	ani	amea	-
63	ni	satu	-	97	buda	putih	-
64	daya	urang	-	98	asi	sape	+
65	ujen	ujan	+	99	dayung	ambini	-
66	bireh	merah	+	100	sia	kuning	-
67	aran	maraga	+				

Jumlah kosa kata yang ditolak = 4
 Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100 – 4) = 96
 Jumlah kosa kata yang berkognat (96 – 57) = 39
 Peratus kosa kata berkognat (39/96) = 40.6 peratus

Jadual 1.8 Perbandingan seratus kosa kata dasar bahasa Bau-Jagoi dengan bahasa Bukar-Sadong.

Bil.	Bau-Jagoi	Bukar-Sadong	Taraf kognat	Bil.	Bau-Jagoi	Bukar-Sadong	Taraf kognat
1	suo	simua	+	40	jantung	sintung	+
2	bo'oh	abuh	+	41	tanuk	tenuk	+
3	kulit	kurit	Tolak (kata majmuk)	42	oku	akuk	+
	koyuh	kayuh		43	ngabos	kinebes	+
4	to'in	ne'ih	-	44	koruob	be'ak tuet	Tolak (kata majmuk)
5	ayuh	behas	-				
6	manuk	kito	-	45	puan	empuen	+
7	ngigit	ku'ut	-	46	dowon	dewek	+
8	songot	bihis	-	47	guring	guleng	+
9	doya	deyak	+	48	otin	ati	+
10	tulang	turang	+	49	omu	embuh	+
11	nenen	sisong	-	50	gituh	gutu	+
12	so'uh	sehu	+	51	dari	darik	+
13	silun	siruh	+	52	bogo	ehi	-
14	abun	remang	-	53	dagin	isih	-
15	modud	bebi	-	54	bulan	buran	+
16	nog	mendeg	+	55	dorod	dared	+
17	kobos	kebes	+	56	bobak	bebek	+
18	kosuong	kesung	+	57	adon	genen	-
19	nuok	sihep	-	58	tunguak	kukok	-
20	bodoh	bedeg	+	59	ba'uh	bauh	+
21	kojit	keping	-	60	ngarom	ngarek	+
22	tana	tanak	+	61	indung	unung	+
23	man	ma'an	+	62	idoh	kaik	-
24	turua	entulok	+	63	ni	indik	+
25	boton	beteh	+	64	nya'a	inya	+
26	lomak	lemak	+	65	ijan	ujan	+
27	bulun	buruh	+	66	biriah	encela	-
28	opui	apui	+	67	oran	jeren	+
29	ikian	iken	+	68	at	uhat	+
30	timirib	meber	+	69	borong	bereng	+
31	punuak	punok	+	70	pasil	pasir	+
32	po'on	kejak	-	71	sobot	sinandak	-
33	ngin	jugon	-	72	ningga	entubek	-
34	paguh	paguh	+	73	biniak	luang	-
35	hijau	merak	-	74	guruk	guluk	+
36	buok	buruh	+	75	kulit	enyit	-
37	tongan	tengen	+	76	bo'os	be'es	+
38	bak	be'ak	+	77	isit	icek	+
39	ngojit	kidingah	-	78	asuh	asep	+

TINGKAT KEKERABATAN BAHASA BIDAYUH DI SARAWAK

sambungan Jadual 1.8

Bil.	Bau-Jagoi	Bukar-Sadong	Taraf kognat	Bil.	Bau-Jagoi	Bukar-Sadong	Taraf kognat
79	mujuog	pijog	+	89	jupon	jipeh	+
80	bitang	bintek	+	90	tongon kayu	tingen	Tolak (kata majmuk)
81	batuh	batuh	+				
82	boton anu	beteu andu	Tolak (kata majmuk)	91	duwoh	dueh	+
				92	ponu	jalen	-
83	bitabab	bidungoi	-	93	bongoh	peres	-
84	ukuan	ungkoi	-	94	pi'in	umon	-
85	inoh	si'en	-	95	ko'ih	emik	-
86	itih	itek	+	96	oni	anih	+
87	mu'u/ kamu/ ingan	emuk	+	97	mopuk	budak	-
				98	osi	asih	+
				99	dayung	dayung	+
88	jora	jileh	+	100	siak	sihak	+

Jumlah kosa kata yang ditolak	=	4
Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100 - 4)	=	96
Jumlah kosa kata yang berkognat (96 - 32)	=	64
